

DASAR PEMERKASAAN INSTITUSI TAHFIZ DI MALAYSIA
TAHFIZ INSTITUTION STRENGTHENING POLICY IN MALAYSIA

Azman Ab Rahmanⁱ, Afaf Sukariⁱⁱ, Nurul Nadia Nozlanⁱⁱⁱ, Mohamad Anwar Zakaria^{iv} & Muhd. Faiz Abd. Shakor^{iiiv}

ⁱ Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, afafasukari97@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, nunadianurul@gmail.com

^{vi} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, anwarzakaria8055@gmail.com

^{iiiv} Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, faizshakorkisas@gmail.com

ABSTRAK

Pendidikan tahfiz dan Al-Quran merupakan pendidikan yang kini kian mengambil tempat di hati ibu bapa yang berhasrat menjadikan anak-anak mereka seorang penghafaz al-Quran. Kewujudan institusi tahfiz juga dilihat semakin meningkat saban tahun melalui penubuhan institusi tahfiz kerajaan mahupun swasta yang dibangunkan secara persendirian oleh sesetengah pihak. Disebalik permintaan yang tinggi bagi kemasukan ke institusi tahfiz saban tahun, sistem pendidikan tahfiz dilihat masih perlu ditambah baik dalam pelbagai aspek bagi memperkasakan institusi ini. Transformasi dan pemerkasaan perlu dilakukan dalam aspek penubuhan dan pendaftaran, keselamatan premis, kualiti tenaga pengajar, kebolehpasaran murid, kurikulum tahfiz dan lain-lain. Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan berkaitan aspek-aspek dalam pemerkasaan institusi tahfiz di Malaysia. Artikel ini juga akan mencadangkan dasar pemerkasaan institusi tahfiz di Malaysia yang boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak berautoriti. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa keperluan untuk mewujudkan dasar pemerkasaan institusi tahfiz dalam aspek pengurusan, kurikulum, kebolehpasaran serta keselamatan institusi tahfiz. Diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan serta rujukan kepada institusi tahfiz mahupun organisasi tertentu dalam menguruskan hal ehwal berkaitan institusi tahfiz dalam usaha untuk menaiktaraf sistem pendidikan tahfiz negara pada tahap yang lebih tinggi.

Kata Kunci: *Dasar, Pemerkasaan, Institusi Tahfiz.*

ABSTRACT

Tahfiz and Al-Quran education is an education that is now taking place in the hearts of parents who want to make their children as a memorizer of the Quran. The existence of tahfiz institutions is also seen to be increasing every year through the establishment of government and private tahfiz institutions developed privately by some parties. Despite the high demand for admission to tahfiz institutions every year, the tahfiz education system is still seen to be improved in various aspects to strengthen these institutions.

Transformation and empowerment need to be done in the aspects of establishment and registration, security of premises, quality of teaching staff, marketability of students, tahfiz curriculum and others. Thus, this article aims to discuss related aspects in the empowerment of tahfiz institutions in Malaysia. This article will also suggest the policy of empowering tahfiz institutions in Malaysia that can be used as a reference and guide to the authorities. This qualitative study uses documentation and observation methods in the data collection process. The results of the study found that the need to establish a policy of empowerment of tahfiz institutions in terms of management, curriculum, marketability and security of tahfiz institutions. It is hoped that this study can provide guidance and reference to tahfiz institutions and certain organizations in managing matters related to tahfiz institutions in an effort to upgrade the country's tahfiz education system at a higher level.

Keyword (s): Empowerment, Policy, Tahfiz Institutions.

Pengenalan

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu untuk membaca, menghafaz dan memahami al-Quran. Pengajian tahfiz juga telah diperkenalkan sejak zaman pra kolonial lagi dan mula diinstitusikan setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Pembangunan pendidikan agama di negara menunjukkan kemajuan yang sangat positif dengan adanya Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran sejak dari dulu lagi hingga kini. Kesedaran terhadap kepentingan al-Quran juga telah ditunjukkan masyarakat melalui pengajian tahfiz. Terdapat institusi tahfiz di bawah kerajaan namun tidak mampu untuk menampung jumlah permintaan yang tinggi daripada masyarakat. Kesannya telah membuka ruang dan peluang bagi pembukaan institusi tahfiz swasta dan persendirian bagi memenuhi permintaan yang banyak ini.

Sistem pendidikan negara Malaysia sangat terkehadapan dalam memartabatkan pengajian tahfiz al-Quran. Namun begitu, masih ada beberapa aspek perlu diambil perhatian dalam usaha meningkatkan lagi kualiti pendidikan tahfiz negara. Hal ini kerana sistem pendidikan tahfiz negara dilihat masih berada pada tahap sederhana berbanding pendidikan arus perdana. Sebagai contoh, isu kegagalan beberapa pihak pengurusan mendaftarkan institusi tahfiz mereka juga merupakan antara faktor lain yang berlaku berkaitan institusi tahfiz. Kegagalan mendaftarkan institusi tahfiz kepada pihak berwajib boleh menyebabkan mereka ketinggalan dalam penerimaan sebarang jenis bentuk penyaluran bantuan yang disediakan.

Sistem pengurusan institusi tahfiz yang sistematik juga merupakan antara faktor yang utama terhadap kejayaan dan kecemerlangan pelajar-pelajar tahfiz. Kegagalan pihak pentadbiran dalam menguruskan institusi tahfiz mereka dengan baik akan menyukarkan pelajar-pelajar tahfiz yang ingin mendapatkan pengajian di institusi tahfiz. Pemerkasaan dan dasar perlu dilakukan dalam usaha untuk memartabatkan sistem Pendidikan tahfiz agar setanding dengan sistem arus perdana.

Latar Belakang Institusi Tahfiz Di Malaysia

Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Quran mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah tahfiz, sama ada di bawah kelolaan Kerajaan Pusat, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau sekolah tahfiz persendirian. Data yang diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), (2019) menunjukkan, terdapat 936 buah sekolah tahfiz swasta berdaftar di bawah Jakim. Sekolah-sekolah tersebut beroperasi dengan seramai 53,410 enrolmen murid dan 5,886 orang guru di seluruh negara. Namun, pada masa yang sama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jakim tidak mempunyai data berkaitan sekolah tahfiz yang tidak berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan.

Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jakim amat komited memperkasakan pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini melalui pelbagai usaha. Ia dilakukan bagi

melahirkan lebih ramai golongan huffaz profesional yang menguasai dua bidang iaitu tahfiz al-Quran bersama disiplin ilmu yang lain (Nordin Ahmad, 2018). Usaha kerajaan bagi memartabatkan pendidikan tahfiz turut dilihat menerusi penggubalan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara berpandukan lima teras iaitu;

- i. Memantapkan aspek undang-undang dan penguatkuasaan;
- ii. Mewujudkan model maahad tahfiz;
- iii. Mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz sesuai arus pendidikan negara;
- iv. Memperkasakan tadbir urus institusi tahfiz dalam negara; dan
- v. Sistem pengiktirafan dan pensijilan institusi tahfiz.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang dibentuk ini merupakan dokumen penting dan pelan jangka masa panjang dalam usaha mewujudkan sekolah-sekolah tahfiz berkualiti dan diperkasakan mengikut arus perdana. Selari dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga melancarkan dokumen Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) bagi memantapkan institusi tahfiz. Ia memerlukan usaha secara kolektif dan berterusan daripada semua pihak. Hasrat ini dimanifestasikan dalam pernyataan dasar pertama Pelan Induk PISH agar semua murid tahfiz perlu diberikan ilmu kemahiran TVET dan keusahawanan (Yaacob Yusoff, 2017).

Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dapat dilihat menerusi penubuhan sekolah-sekolah di bawah kelolaan kerajaan pusat, kerajaan negeri dan juga badan-badan berkanun yang menggabungkan di antara kurikulum tahfiz al-Quran dengan kurikulum arus perdana (KPM, 2018). Data yang diperolehi menunjukkan, sehingga September 2020, terdapat sebanyak 15 buah sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), 19 buah sekolah agama bantuan kerajaan yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), 20 buah sekolah tahfiz kerajaan negeri dan 5 buah sekolah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

Walau bagaimanapun, bilangan sekolah-sekolah ini masih belum cukup untuk menampung permintaan yang sangat tinggi daripada masyarakat. Lantas, ia membuka ruang kepada pertumbuhan dan perkembangan sekolah tahfiz persendirian di dalam negara. Situasi ini juga dapat mengisi permintaan yang tinggi daripada ibu bapa yang tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah tahfiz kerajaan. Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat 1249 buah sekolah tahfiz yang sedang beroperasi di Malaysia (Siti Rashidah, 2020). Angka ini dijangka meningkat dari setahun ke setahun. Hal ini sekaligus membuktikan bahawa kecenderungan ibu bapa dan masyarakat terhadap pendidikan tahfiz al-Quran di negara ini sangat tinggi.

Sementara itu, sekolah aliran tahfiz di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia, kerajaan negeri dan MARA tidak berhadapan dengan isu yang besar bagi merealisasikan hasrat memperkasakan pendidikan tahfiz dan melahirkan golongan huffaz profesional. Ini kerana kurikulum yang dilaksanakan menggabungkan antara tahfiz dan akademik (Nordin Ahmad, 2018). Di samping itu, hala tuju murid-murid mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi adalah jelas. Walau bagaimanapun, menurut Azmil Hashim (2014) ia menjadi isu kritikal bagi murid-murid yang mengikuti aliran tahfiz sepenuh masa di sekolah-sekolah tahfiz persendirian yang tidak mendapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak selain daripada model kurikulum yang tidak selaras. Ini kerana kebanyakan daripada mereka hanya menumpukan subjek hafazan al-Quran semata-mata tanpa mengikuti pembelajaran dan pengajaran kebangsaan secara formal. Sekiranya isu ini tidak diuruskan dengan baik, harapan untuk menjadikan murid-murid ini golongan huffaz profesional akan terjejas.

Cadangan Dasar Pemerkasaan Institusi Tahfiz Di Malaysia

Perkembangan institusi tahfiz dilihat semakin pesat apabila ramai pihak telah menubuhkan institusi-institusi tahfiz secara persendirian. Namun begitu, isu yang dihadapi oleh institusi tahfiz telah menjejaskan kestabilan institusi tersebut. Hal ini menyebabkan institusi tahfiz terpaksa berdepan dengan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi demi memastikan institusi tahfiz kekal utuh dan cemerlang. Oleh itu,

keperluan kepada satu dasar pemerksaan perlu diberi perhatian dalam memastikan institusi tahfiz tetap kukuh dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang seterusnya kekal relevan sepanjang masa.

Dasar Pemerksaan 1: Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah Tahfiz

Sistem pengurusan dan pentadbiran institusi tahfiz yang sistematik dan terurus akan mengukuhkan kedudukan sesebuah institusi tahfiz untuk terus kekal relevan sepanjang masa. Penyelidik mendapati bahawa masih terdapat institusi tahfiz yang tidak mendapat kelulusan badan-badan berautoriti seperti pihak berkuasa tempatan dan lain-lain. Kecuaian pihak pengurusan dalam mendapatkan kelulusan akan menimbulkan pelbagai implikasi terhadap institusi tahfiz itu sendiri pada masa hadapan (Abdul Hafiz, 2003). Selain itu, kaedah pengurusan dan pentadbiran institusi tahfiz yang berlainan antara setiap institusi dilihat perlu kepada keselarasan. Sistem pengurusan institusi tahfiz yang selaras akan memudahkan pihak pentadbiran sekolah dalam hal-hal berkaitan pengurusan sekolah. Penggunaan sistem pengurusan tahfiz secara online juga perlu dipertimbangkan (Jamil Ahmad, 2008). Ini kerana sistem tadbir urus yang sistematik dan efisien amat penting bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran sekolah dapat berjalan dengan lancar.

Pengurusan dan pentadbiran institusi tahfiz yang cemerlang akan membina keyakinan ramai pihak untuk berurusan dengan institusi tahfiz tersebut. Justeru, penyelidik mencadangkan agar pemerksaan dilakukan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran institusi tahfiz untuk meningkatkan tahap kredibiliti sistem pengurusan dan pentadbiran institusi tahfiz. Hal ini penting kerana pengurusan dan pentadbiran yang kukuh akan menguatkan kedudukan institusi tahfiz dalam menghadapi kepincangan yang mendatang. Isu berkaitan kewangan, keselamatan dan lain-lain juga dapat diatasi melalui kewujudan sistem pengurusan dan pentadbiran yang baik. Contoh pemerksaan yang boleh dilakukan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah adalah seperti membangunkan garis panduan dan pendaftaran serta garis panduan pengurusan sekolah tahfiz, membangunkan sistem pengurusan sekolah tahfiz, pentadbir sekolah mengikuti kursus kepimpinan pendidikan, membangunkan kurikulum latihan pengurusan sekolah tahfiz dan lain-lain.

Dasar Pemerksaan 2: Kurikulum Tahfiz Al-Quran

Kebanyakan institusi tahfiz pada masa kini mempunyai struktur kurikulum mereka yang tersendiri menjadikan kaedah pendidikan tahfiz pada masa kini bercorak pelbagai. Hal ini dapat dilihat melalui bilangan sekolah tahfiz yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kerajaan negeri dan MARA masih terhad dan pengambilannya pula tertumpu kepada murid yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang sahaja (Sharini Ishak, 2017). Bukan itu sahaja, menurut Mardhiah Yahaya (2018), kekangan dalam aspek kewangan yang dihadapi oleh pihak pengurusan sekolah untuk mengupah guru akademik untuk mengajar di sekolah mereka menyebabkan kesukaran dalam usaha untuk mengintegrasikan hafazan dengan pendidikan akademik. Selain itu, peruntukan masa yang agak terhad bagi tujuan hafazan telah menjadikan prestasi hafazan pelajar semakin merosot. Kajian juga mendapati bahawa sebanyak 32.5% sekolah tahfiz menggunakan buku teks tersendiri dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (Yaacob Yusoff, 2017).

Penyelidik mencadangkan agar kurikulum tahfiz al-Quran diperksakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan serta kualiti pendidikan tahfiz negara. Pemerksaan dari aspek kurikulum adalah penting untuk memastikan kurikulum tahfiz mempunyai standard yang tersendiri. Kurikulum tahfiz yang selaras juga perlu dilaksanakan agar dapat diaplikasikan serta dijadikan rujukan oleh semua pihak terutama bagi institusi tahfiz yang baru ingin dibangunkan. Contoh pemerksaan kurikulum yang dapat dilakukan seperti pembangunan model tahfiz bersepadu Malaysia, menambah peruntukan masa hafazan, membangunkan bahan-bahan pengajaran dan buku teks yang seragam, menyelaraskan aktiviti kokurikulum di sekolah tahfiz. Pemerksaan kurikulum seperti ini akan menjadikan sistem pendidikan tahfiz setaraf dengan sistem pendidikan akademik seterusnya mengangkat pendidikan tahfiz pada tahap yang lebih tinggi.

Dasar Pemerksaan 3: Keselamatan Sekolah

Keselamatan pelajar adalah perkara yang sangat penting perlu dijaga sepanjang sesi persekolahan khususnya. Namun, masih ada sesetengah institusi tahfiz yang kurang mengambil berat dalam aspek keselamatan pusat tahfiz mereka seperti tidak mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan dalam mengoperasikan pusat tahfiz. Aspek keselamatan premis perlu berada pada tahap yang maksimum untuk mengelakkan isu yang lebih besar timbul sepertimana tragedi yang berlaku terhadap Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang mengakibatkan pemergian tragis 21 pelajar dan dua guru yang rentung akibat kebakaran (Berita Harian, 2018). Tragedi yang berlaku akibat daripada beberapa orang pelajar berjaya memasuki kawasan sekolah dan bertindak membakar sekolah tahfiz tersebut. Perkara ini terjadi kerana kawalan dan ciri-ciri keselamatan yang lemah sehingga pusat tahfiz dicerobohi seterusnya mencetuskan kebakaran. Kejadian itu bukan sahaja merosakkan infrastruktur pusat tahfiz tersebut, bahkan meragut nyawa pelajar-pelajar tahfiz (Safeek Razali, 2017).

Penyelidik melihat bahawa pemerksaan terhadap keselamatan sekolah merupakan aspek yang amat penting perlu diberi perhatian oleh semua pihak terutama KPM, kakitangan pengurusan dan pentabiran sekolah serta pihak berwajib. Hal ini kerana faktor keselamatan tempat pengajian yang selamat akan menjamin keselesaan pelajar-pelajar serta keyakinan ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke institusi tahfiz. Perkara ini juga adalah untuk memastikan keselamatan pelajar serta kakitangan institusi tahfiz berada pada tahap yang maksimum dan terjamin. Melalui pemerksaan ini, tindakan juga perlu dilakukan terhadap mana-mana institusi tahfiz yang masih tidak berdaftar. Institusi tahfiz yang tidak berdaftar telah menyukarkan pihak kerajaan dalam usaha untuk melaksanakan tanggungjawab mereka membantu menyalurkan bantuan seperti bantuan alat bantuan kebakaran seperti pemadam api dan lain-lain. Justeru, pihak berwajib perlu mengambil tindakan yang sewajarnya dalam usaha untuk memastikan institusi tahfiz tidak menjalankan sesi pengajian secara tidak sah mengikut undang-undang seterusnya menjamin keselamatan warga institusi tahfiz daripada sebarang ancaman keselamatan.

Dasar Pemerksaan 4: Hala Tuju dan Kebolehpasaran Murid Tahfiz

Ketidajelasan berkenaan hala tuju dan kebolehpasaran pelajar tahfiz khususnya bagi yang mengikut model tahfiz sepenuh masa merupakan antara kerisauan yang dihadapi oleh ibubapa pelajar-pelajar tahfiz. Disebabkan hal ini, sebahagian pelajar-pelajar institusi tahfiz yang telah menamatkan hafazan mereka memilih untuk tidak menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi ekoran daripada ketidajelasan terhadap halatuju dan kebolehpasaran pendidikan yang mereka perolehi (Farah Zakaria, 2018). Malah, ada yang mengambil keputusan untuk menganggur kerana tidak tahu apa yang harus mereka lakukan setelah pengajian tahfiz mereka tamat. Terdapat juga maklumat yang tidak sampai kepada ibu bapa bahawa anak-anak mereka yang telah tamat menghafaz al-Quran boleh melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Justeru itu, penyelidik mendapati pemerksaan terhadap hala tuju dan kebolehpasaran murid tahfiz perlu dilakukan dengan lebih terperinci agar mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran. Hal ini penting untuk menjelaskan hala tuju ataupun laluan-laluan yang boleh mereka ikuti selepas menamatkan pengajian hafazan mereka. Pemerksaan melalui hala tuju dan kebolehpasaran murid tahfiz ini juga dilihat mampu menunjukkan arah perjalanan seorang pelajar bermula dari peringkat rendah ke sekolah menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Selain dapat membantu ibu bapa untuk mengenal pasti laluan yang paling sesuai oleh anak mereka sebelum memilih untuk menghantar anak mereka ke pusat pengajian tahfiz seterusnya menjadi seorang huffaz yang cemerlang.

Cadangan Dasar Pemerksaan Institusi Tahfiz Di Malaysia

Berdasarkan pemerhatian penyelidik terhadap pemerksaan institusi tahfiz di Malaysia, penyelidik ingin mencadangkan kepada pihak-pihak berwajib berwajib seperti pihak pengurusan institusi tahfiz, MAIN,

JAKIM, KPM dan lain-lain agar dasar pemerksasaan perlu dijalankan agar kualiti dan mutu pendidikan tahfiz negara dapat dipertingkatkan. Pemerksasaan dasar institusi tahfiz juga dilihat mampu menyelaraskan serta memudahkan hal-hal berkaitan pentadbiran dan pendidikan institusi tahfiz di Malaysia. Cabaran yang mendatang dapat ditangani oleh pihak pengurusan dan pentadbiran institusi tahfiz dengan baik serta mampu meningkatkan sistem pengurusan institusi tahfiz pada tahap yang lebih cemerlang. Sistem pengajian al-Quran dan hafazan yang lebih tersusun dan sistematik juga menjamin kelancaran pengajian tahfiz selain untuk kebaikan umat Islam secara keseluruhannya serta memperkenalkan dasar pemerksasaan institusi tahfiz negara ke persada dunia.

Kesimpulan

Pihak Kementerian Pengajian Malaysia umumnya telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik dalam usaha meningkatkan sistem pengajian tahfiz negara. Kecekapan pihak KPM dalam mendepani isu-isu yang berkaitan institusi tahfiz juga perlu diberi penghargaan sehingga berjaya menaikkan nama institusi tahfiz seterusnya menjadi pilihan utama ibubapa dalam pemilihan sekolah anak-anak sehingga kini. Hal ini jelas menunjukkan kesungguhan pihak KPM mahupun pihak pengurusan institusi tahfiz dalam usaha mendedahkan pelajar-pelajar terhadap ilmu al-Quran dan hafazan. Namun begitu, penyelidik mendapati bahawa sistem Pendidikan tahfiz negara perlu kepada penambahbaikan. Penyelidik juga mencadangkan agar penambahbaikan perlu dilakukan dengan mewujudkan Dasar Pemerksasaan Institusi Tahfiz kerana ianya mampu memudahkan selain menjadi panduan serta rujukan kepada semua pihak. Dasar Pemerksasaan Institusi Tahfiz ini juga penting untuk dihasilkan agar isu berkaitan kurikulum, keselamatan, sistem pengurusan, hala tuju dan kebolehpasaran pelajar tahfiz mampu untuk ditangani melalui kewujudan Dasar Pemerksasaan Institusi Tahfiz. Justeru, kajian lanjutan perlu dijalankan oleh institusi tahfiz, MAIN, JAKIM, KPM dan lain-lain dalam usaha menaik taraf sistem pengurusan institusi tahfiz dengan mewujudkan dasar pemerksasaan institusi tahfiz.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan Inovasi (PPPI) USIM kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran USIM Grand Challenges, dengan tajuk Model Tadbir Urus Institusi Tahfiz Dan Pondok di Malaysia, Kod Penyelidikan USIM: PPI/UGC_0119/INFAD/FSU/051000/12819. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

Rujukan

- Abdul Hafiz. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azmil Hashim. (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Jurnal of Al-Quran dan Tarbiyyah*. Vol 1(1) 2014. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Berita Harian. (2018). *Tragedi Kebakaran Pusat Tahfiz: Nasib Remaja Dituduh Bunuh Diketahui Esok*. Didapatkan pada 23 Oktober melalui laman web: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/721828/tragedi-kebakaran-pusat-tahfiz-nasib-remaja-dituduh-bunuh-diketahui>
- Dasar Pendidikan Tahfiz Negara.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak Amalan. (2018). Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia* SI 1(1)(2018): 141-148.
- Jabatan Kemajuan Islam. (2017). *Model Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Tahfiz*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jamil Ahmad. (2008). *Pentadbiran dan Pengurusan Sistem Pendidikan Malaysia Ke Arah Pendidikan Berkualiti*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- KPM. (2018). Info Media KPM. Didapatkan dari laman web:
<https://www.moe.gov.my/penerbitan/2127-infomedia-bil-06-nov-dis-2018/file>
- Mardhiah Yahaya. (2018). *Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains dan Sosial dan kemanusiaan 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nordin Ahmad. (2018). *Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik*. Projek Penyelidikan Darul Quran.
- Safeek Affendy Razali. (2017). *Pusat Tahfiz Terbakar, Lebih 20 Terkorban*. Diambil pada 10 Ogos 2020 dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/09/325192/pusat-tahfiz-terbakar-lebih-20-terkorban>
- Sharini Ishak. (2017). *Kaedah, Proses Dan Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran tahfiz Dalam Kalangan murid Sekolah Agama Kerajaan*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rashidah. (2020). *Isu Pendidikan Guru Tahfiz: Pengetahuan Pedagogi dan Amalan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Tahfiz Persendirian di Selangor*.
- Yaacob Yusoff. (2017). *Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan*. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017. Universiti Kebangsaan Malaysia.